

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

KKM usaha kolaborasi awam, swasta bagi khidmat pakar

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) terus berusaha untuk mewujudkan serta memperkukuh kolaborasi antara fasiliti kesihatan awam dan swasta bagi mendapatkan khidmat pakar diperlukan khususnya dalam bidang pembedahan kardiotoraksik.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kolaborasi seumpama itu penting berikutan khidmat mereka yang begitu diperlukan masa kini, ketika mana kekangan jumlah pakar yang ada dalam fasiliti kesihatan kerajaan.

"Saya secara peribadi yang menyalurkan tugas menteri memandang perkara ini sangat penting. Namun yang saya mahukan supaya yang kita kendong (yang masih ada dalam perkhidmatan) ini mesti jangan sampai tercicir. Mereka yang dikejar di luar negara itu, mahu kita dapatkan juga."

"Tetapi yang mustahaknya adalah untuk KKM menampilkan satu pakej yang bukan saja dari sudut kewangan, tapi masa depan profesion mereka."

"Sementara kita boleh bagi elaun, imbuhan, lokum dan *on call* atau *active call*, tapi akhirnya yang kita mahukan bukan mereka dapat terus berkhidmat, tetapi kita mahukan nilai murni untuk mereka kekal walaupun berdepan kekangan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Jamaluddin Yahya (PN-Pasir Salak) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Menjawab soalan asal Lee Chuan How (PH-Ipoh Timor), Dr Dzulkefly memaklumkan seramai 23 pegawai perubatan KKM sedang mengikuti pengajian kepakaran dalam bidang pembedahan kardiotoraksik iaitu tujuh di bawah program sarjana perubatan dan 16 melalui *parallel pathway*.

Bagi bidang perubatan keluaran pula, katanya seramai 1,938 orang pegawai perubatan sedang mengikuti pengajian kepakaran iaitu 390 orang pegawai dalam program sarjana perubatan dan 1,548 orang pegawai dalam *parallel pathway*.

"Bagi 2020 hingga 2024, anggaran perbelanjaan biasiswa bagi pegawai perubatan KKM yang mengikuti pengajian kepakaran dalam bidang pembedahan kardiotoraksik berjumlah RM2.6 juta, manakala bidang perubatan keluarga pula berjumlah RM68.1 juta."

"Berhubung penyediaan prasarana latihan, tiada kos dibelanjakan dengan prasarana latihan bagi kedua-dua bidang berkenaan kerana pengajian adalah menggunakan fasiliti KKM dan universiti awam," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



SERAMAI 1,961 pegawai perubatan KKM menjalani pengajian kepakaran dalam bidang Perubatan Keluarga dan Pembedahan Kardiorasik. - GAMBAR HIASAN

Kerajaan keluarkan kos RM68.1 juta untuk 4 tahun

1,961 doktor KKM ikuti latihan kepakaran

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, anggaran perbelanjaan biasiswa bagi pegawai perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) mengikuti pengajian kepakaran dalam bidang Perubatan Keluarga antara 2020 hingga 2024 berjumlah RM68.1 juta.

Menurutnya, anggaran perbelanjaan biasiswa bagi bidang Pembedahan Kardiorasik untuk tempoh sama pula sebanyak RM2.6 juta.

Bagaimanapun, kata beliau, tiada kos dibelanjakan untuk penyediaan 'prasarana' latihan kerana pengajian menggunakan fasiliti KKM dan universiti awam.

"Seramai 23 pegawai perubatan KKM sedang mengikuti

pengajian kepakaran dalam bidang Pembedahan Kardiorasik iaitu tujuh pegawai di bawah program Sarjana Perubatan dan 16 pegawai dalam Parallel Pathway.

"Bagi bidang Perubatan Keluarga pula, seramai 1,938 pegawai perubatan sedang mengikuti pengajian kepakaran iaitu 390 dalam program Sarjana Perubatan dan 1,548 dalam Parallel Pathway," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Lee Chuan How (**PH-Ipoh Timor**) tentang bilangan pegawai perubatan khususnya dalam bidang Pembedahan Kardiorasik dan Perubatan Keluarga yang kini sedang dalam latihan.

Ujar Dr. Dzulkefly ketika menjawab soalan tambahan Jamaluddin Yahya (**PN-Pasir Salak**), KKM

terus berusaha memperkukuh kolaborasi antara fasiliti kesihatan awam dan swasta bagi mendapatkan khidmat pakar diperlukan termasuk dalam bidang pembedahan kardiorasik.

Jelasnya, kolaborasi adalah penting berikutan khidmat kepakaran itu amat diperlukan masa kini ketika mana kekurangan jumlah pakar yang ada dalam fasiliti kesihatan kerajaan.

"Namun yang saya mahukan supaya yang kita kendong (yang masih ada dalam perkhidmatan) ini mesti jangan sampai tercicir. Mereka yang dikejar di luar negara itu, mahu kita dapatkan juga.

"Yang mustahaknya adalah untuk KKM menampilkan satu pakej yang bukan saja dari sudut kewangan, tapi dari segi masa depan profesion mereka," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NASIONAL

Makin ramai 'buat-buat' lupa larangan merokok

Larangan merokok di tempat awam termasuk premis makanan yang berkuat kuasa sejak Januari 2019 dilihat semakin diabaikan oleh rakyat Malaysia.

Penguatkuasaan yang lemah dikatakan menjadi punca sebahagian perokok bersikap tidak endah dan tanpa segan silu mengingkari larangan tersebut.

Tindakan itu tidak disenangi para pengunjung lain, terutamanya mereka yang membawa keluarga dan anak kecil.

Menerusi ruangan Apa Khabar Rakyat, wartawan *Sinar Harian*, MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI mendengar luahan orang ramai yang menuntut pihak berkuasa supaya lebih tegas menangani isu tersebut.

MAKIN ramai perokok yang sengaja mengingkari atau 'buat-buat' lupa larangan merokok dalam premis makanan walaupun menyedari kesan buruknya, semestelahan perbuatan itu bukan hanya memudaratkan diri sendiri malah kepada diri orang lain.

Seorang pelajar, Muhammad Hassif Amirun Salleh, 22, menyifatkan golongan perokok yang bersikap sedemikian hanya mementingkan dirinya sendiri.

Justeru, dia menggesa pihak berkuasa meningkatkan penguatkuasaan dan perokok ingkar ini dikenakan tindakan yang lebih tegas dan serius.

"Walaupun setiap individu mempunyai hak peribadi untuk memilih gaya hidup sendiri, tetapi mereka perlu sedar bahawa merokok di tempat awam boleh merugikan diri dan masyarakat secara keseluruhannya.

"Orang yang tidak merokok

tetapi terdedah kepada asap rokok dari perokok aktif berdepan risiko kesihatan yang tinggi. Asap rokok mengandungi bahan kimia berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan manusia.

"Jadi sudah sampai masanya kerajaan memandang serius perkara ini kerana perlu diingati bahawa larangan ini telah dikuatkuasakan sejak 2019 lagi tapi ramai yang buat-buat lupa," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Tambahnya, golongan perokok juga perlu sedar bahawa merokok di tempat-tempat awam boleh mencemarkan kualiti udara.

Amir Farhan Nordin, 23, turut berpendapat dengan Muhammad Hassif dan dia mahu perokok yang keras kepala ini segera dikenakan tindakan.

"Walaupun wujud larangan merokok tiga meter dari meja makan dan notis amaran ditampal di restoran dan kedai-kedai makan, namun ma-



MUHAMMAD HASSIF



AMIR FARHAN



MUHAMMAD ADLI



Orang seakan sudah lupa mengenai peraturan larangan merokok di premis makanan apabila semakin berani melakukan perbuatan itu tanpa rasa gentar.

sih ada segelintir daripada perokok yang tidak peka serta tidak endah.

"Terdapat segelintir individu yang hanya duduk di restoran semata-mata untuk merokok sedangkan premis itu adalah tempat untuk menjamu selera.

"Jika tidak segera diberikan peringatan dan diambil tindakan, perkara ini akan semakin berleluasa, oleh itu penguatkuasaan yang tegas perlu segera dilakukan," katanya.

Tambahnya, disebabkan perbuatan segelintir perokok ini, pengunjung lain menderita.

Sementara itu, Muhammad Adli Haikal Mohamed Ghazali, 24, berkata, pemilik premis makan-



Kegagalan mematuhi larangan menyebabkan perokok didakwa di mahkamah, sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM10,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun.

an yang dilihat 'menghalalkan' tindakan perokok ingkar ini juga perlu dikenakan tindakan.

"Pemilik kedai sepatutnya berkeras dan cakna terhadap situasi seperti menegur golongan perokok kerana mereka juga akan terkesan. Jika pelanggan mengelak datang ke kedai mereka, sudah tentu pendapatan

akan berkurangan.

"Golongan yang tidak merokok mungkin memilih tempat yang bebas asap rokok untuk menikmati suasana yang lebih bersih dan selesa" ujarnya.

Tambahan pula katanya, masyarakat kini mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menjaga kesihatan.

PPIM saran lantik syarikat bebas bantu KKM tingkat penguatkuasaan

PERSATUAN Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mencadangkan sebuah syarikat bebas dilantik bagi melancarkan penguatkuasaan terhadap peraturan larangan merokok di premis makanan.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata, cadangan itu relevan memandangkan jumlah penguat kuasa yang tidak ramai.

"Saya sarankan kalau boleh lantik syarikat bebas yang boleh

dijadikan seperti kakitangan semantara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan mengeluarkan saman.

"Jumlah saman bolehlah dikenakan sebanyak RM100 hingga RM200, cukuplah sebagai memberi kesedaran. Tidak perlulah mengenakan jumlah yang terlampau tinggi misalnya sehingga RM10,000," katanya.

Pada masa yang sama, bagi

memberi kesedaran dan mengingatkan perokok terhadap larangan berkenaan, Nadzim juga mencadangkan supaya satu kempen dilancarkan.

"Kempen ini dibuat bersama dengan media, jadi ini juga boleh membawa kesedaran kepada masyarakat sekali gus dapat memupuk nilai-nilai murni.

"Lama kelamaan orang akan ingat bahawa tidak boleh me-

rokok di premis makanan," kata beliau.

Jelasnya lagi, kempen itu juga diharap dapat membawa perubahan yang baik terhadap rakyat dan negara.

"Perubahan ini akan dapat membina semula negara kita ke arah yang lebih baik. Malaysia akan lebih bersih dan nilai-nilai positif akan mulai bertebaran," kata Nadzim.



NADZIM

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

Hospital Besut perlu dinaik taraf



Muhamad Nasir (berdiri, tiga dari kiri) bersama Ahli Jawatankuasa Pertubuhan BesutMaju selepas Mesyuarat Town Hall Bersama MP dan ADUN Besut di Besut pada Selasa.

BESUT - Hospital Besut perlu dinaik taraf supaya tidak lagi digelar sebagai 'hospital panadol' bagi memberi lebih banyak kemudahan kesihatan yang efisien kepada pesakit.

Naib Presiden 1 Pertubuhan BesutMaju, Datuk Muhamad Nasir Hamzah berkata, hospital berkenaan antara pusat perubatan yang dianggap masyarakat setempat sebagai daif dan kekurangan kelengkapan.

Menurutnya, perkhidmatan di hospital itu juga perlu ditingkatkan supaya mempunyai lebih ramai kakitangan serta pakar sesuai dengan pertambahan penduduk.

"Memang sudah diketahui perancangan pembinaan Hospital Tembila namun mengambil masa yang lama untuk disiapkan dan kita cadang supaya baiki dahulu Hospital Besut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel sempena Mesyuarat Town Hall Bersama MP dan ADUN Besut di sini pada Selasa.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jerreh, Dr Riduan Mohamad Nor mengakui Hospital Besut yang dibina pada tahun 1976 itu mengikut kadar demografi pada masa berkenaan.

Sehubungan itu, kerajaan dicadangkan membina kompleks perubatan di Tembila bagi menyelesaikan isu jurang perubatan berikutan jarak yang jauh untuk ke Kota Bharu Kelantan atau ke Kuala Terengganu.

"Memang kita akui ada keperluan mendesak di hospital itu kerana wad isolasi masih tidak patuh syariah iaitu diasingkan antara lelaki dan wanita kerana kekangan ruang," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

Langkawi wajar miliki hospital pakar

ALOR SETAR: Anak-anak syarikat milik kerajaan negeri perlu meneroka pasaran pelancongan berasaskan kesihatan yang semakin mendapat perhatian pelancong dalam merencanakan sektor pelancongan di Langkawi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuah, Amar Pared Mahamud berkata, Langkawi yang tersenarai di tangga kesembilan sebagai Pulau Terbaik Di Dunia oleh majalah *Travel Plus Leisure Readers* 2023 seharusnya memiliki hospital pakar bertaraf antarabangsa.

Katanya, fasiliti itu bagi menampung keperluan pelancong asing untuk mendapatkan rawatan kesihatan di pulau pelancongan itu.

"Kita dikejutkan dengan berita Raja Norway, Raja Harald V dikejarkan ke Hospital Sultanah Maliha (HSM) yang tidak memiliki Wad Diraja untuk mendapatkan rawatan setelah jatuh sakit ketika baginda sedang bercuti di Pulau Langkawi.

"Justeru, kerajaan negeri perlu melihat kepentingan untuk melabur melalui anak-anak syarikat kerajaan negeri atau menarik pelabur bagi

mewujudkan hospital pakar bertaraf antarabangsa di Langkawi," katanya pada Sidang DUN Kedah di sini, semalam.

Raja Harald V dilaporkan gering ketika bercuti di Langkawi sebelum menjalani prosedur kesihatan di HSM sebelum berangkat pulang pada Ahad lalu.

Sementara itu, beliau turut membangkitkan cadangan agar kerajaan negeri memberi kelonggaran bagi lesen aktiviti perniagaan berasaskan pelancongan yang perlu diteliti semula.

"Keputusan kerajaan negeri yang tidak lagi mengeluarkan lesen bagi perkhidmatan pusat kecantikan dan spa menjejaskan pengusaha perkhidmatan sedia ada yang mana kebanyakan resort dan hotel bertaraf lima bintang di Langkawi turut terkesan dengan keputusan itu.

"Kerajaan negeri digesa untuk segera memperincikan garis panduan baharu berkenaan lesen tersebut selain memperkenalkan Garis Panduan Pusat Kecantikan dan Spa Patuh Syariah agar produk pelancongan ini terus dapat menarik minat pelancong menjadikan Pulau Langkawi sebagai destinasi untuk beristirehat," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : FORUM

Amalan pemakanan tingkat kesihatan pesara

SAUDARA PENGARANG.

BERDASARKAN statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia akan mencapai status negara tua pada 2030 dengan peratus penduduk berusia 60 tahun ke atas adalah 15.3 peratus.

Dari segi penjawat awam, jumlah pesara juga telah meningkat sebanyak 11 peratus dari 2018 iaitu seramai 813,371 pesara kepada 916,766 pesara pada 2023.

Walaupun bagaimanapun, ramai rakyat Malaysia termasuk penjawat awam kurang peka atau mengabaikan amalan pemakanan sihat sehingga menjejaskan kesihatan diri.

Berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kesihatan 2019, 95 peratus orang dewasa mengambil buah dan sayur yang tidak mencukupi, 30.4 peratus dewasa mengalami lebih berat badan, 38.1 peratus dewasa mempunyai kadar kolesterol tinggi dalam darah, 18.3 peratus dewasa mempunyai penyakit diabetes melitus, 30 peratus dewasa mempunyai penyakit hipertensi dan 19.7 peratus dewasa mengalami obesiti.

Peningkatan jumlah pesakit boleh membebaskan institusi kesihatan dan meningkatkan kos perbelanjaan perubatan di peringkat individu mahupun kerajaan yang masih menampung sepenuhnya perbelanjaan perubatan penjawat awam dan pesara di institusi kesihatan kerajaan.

Kementerian Kesihatan mengeluarkan Garis Panduan Diet Pemakanan Malaysia 2020 yang antara lainnya mengandungi panduan, cadangan serta kaedah pemakanan yang sesuai untuk diikuti oleh rakyat Malaysia.

Selaku peneraju pembelajaran sektor awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) turut menyediakan wadah latihan kepada bakal pesara bagi memastikan bakal pesara dapat menjalani hari persaraan dengan kesihatan yang baik melalui amalan pemakanan yang sihat.

Semua ketua jabatan dimohon untuk memastikan setiap warga jabatannya diberi pendedahan mengenai amalan pemakanan yang baik kerana dengan kesihatan yang baik, penyampaian perkhidmatan akan lebih produktif dan responsif, bebanan perbelanjaan perubatan kerajaan juga akan turut berkurang.

AHMAD ZAFWAN SULAIMAN
Ketua Unit Latihan Pasca Perkhidmatan INTAN



RAMAI rakyat Malaysia termasuk penjawat awam kurang peka atau mengabaikan amalan pemakanan sihat sehingga menjejaskan kesihatan diri. - GAMBAR HIASAN



KOS rawatan perubatan dan pembedahan semakin meningkat selari kenaikan harga ubat. - UTUSAN/AMIR KHALID

Teliti beban kos perubatan terhadap penjawat awam

SAUDARA PENGARANG.

PENARIKAN semula subsidi dan pencen kerajaan kepada kakitangan dan pesara menunjukkan beberapa isu antaranya beban penyakit jantung dan beban penyakit tidak berjangkit (NCD) termasuk darah tinggi, dan kencing manis, masalah penyakit sakit jantung pelbagai jenis seperti angina, lemah jantung, strok, sakit jantung mengejut, infarksi jantung dan arteriosclerosis iaitu penyempitan salur darah akibat plak lemak dan sebagainya adalah terkait dengan sakit jantung.

Bilangan pakar pengamal perubatan yang bertauliah tidak mencukupi kerana ramai pakar jantung bertugas di swasta dan hospital universiti, malah ada yang keluar negara kerana pendapatan lebih tinggi.

Ini menyukarkan pesakit mendapatkan rawatan di hospital dan klinik kerajaan, masa menunggu berjumpa pakar yang lama dan kemungkinan berjumpa perawat yang belum pakar lagi yang akhirnya menyebabkan kemungkinan kualiti jagaan menurun dan menyukarkan pesakit menerima jagaan sepatutnya.

Kos rawatan perubatan dan pembedahan yang semakin meningkat akibat inflasi, kenaikan harga ubat termasuk ubat-ubatan jantung serta kos menyelenggara aset yang turut meningkat. Ini menyebabkan kos merawat pesakit jantung meningkat.

Ini amat menyedihkan memandangkan gaji kakitangan kerajaan tidaklah begitu tinggi untuk mendapatkan perkhidmatan di pusat rawatan jantung swasta, ini menyebabkan ramai akan kecikiran dan beralih ke rawatan tradisional dan hanya mendapatkan rawatan jika berlaku komplikasi teruk.

Ada juga tidak mempunyai insurans perubatan yang mencukupi untuk mendapatkan rawatan di swasta. Ini akan menyebabkan ketidaksamaan kesihatan berlaku yang mana hanya orang mampu sahaja menerima rawatan jantung atau

seumpama dengannya.

Bilangan kes dan jumlah beban kos merawat kes penyakit jantung dijangka akan terus meningkat. Maka kerajaan perlu memikirkan kos efektif untuk menghalang fenomena ini. Antara caranya ialah meningkatkan aktiviti, program promosi kesihatan dan gaya hidup sihat. Kerjasama dengan NGO dan industri sangat diperlukan.

Bajet tahunan untuk kesihatan primer dan kesihatan awam perlu diperkasa lagi, memandangkan bilangan kakitangan dan aset di klinik primer dan kesihatan awam adalah minimum dan mereka perlu melaksanakan berbagai program pada waktu yang sama.

Perlu latihan yang menyeluruh mengenai sakit jantung, cara mengesan dan merawat menggunakan teknik dan ubat terkini, diberi kepada kakitangan yang merawat kes-kes di klinik awam dan swasta. Ini membantu mengawal penyakit dari menjadi lebih teruk, berkomplikasi dan meningkatkan kualiti hidup pesakit.

Cadangan lain termasuk perkongsian kos dengan hospital swasta atau klinik jantung dengan kos perubatan ditanggung pihak ketiga. Contohnya, ditanggung separa oleh syarikat farmaseutikal, majikan atau industri seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan sebagainya. Sekarang memang sudah ada tapi perlu cari rakan kongsi baharu untuk menampung kos.

Kita juga perlu menggalakkan semua rakyat dewasa mempunyai insurans sendiri melalui bayaran insurans kelompok dan bayaran ini disimpan untuk kegunaan yang memerlukan.

Insurans sosial seperti ini sudah dilaksanakan di beberapa negara dan Malaysia juga akan mengikutinya dalam reformasi perubatan dan kesihatan yang akan datang.

PROFESOR DR. SHARIFA EZAT WAN PUTEH
Pakar Kesihatan Komuniti UKM, Felo Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : FORUM

Bahan kimia EDC dalam produk perlu dikawal selia

SAUDARA PENGARANG,

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa supaya mengawal selia Bahan Kimia Pengganggu Endokrin (EDC) dalam produk dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan kosmetik dan produk penjagaan diri yang dijual di negara ini dengan tegas.

Pada masa ini kosmetik dan produk penjagaan diri dikawal di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan Arahan Kosmetik ASEAN (ACD).

Ujian terbaharu yang dijalankan ke atas 32 sampel kosmetik dan produk penjagaan diri bagi kanak-kanak dikesan terdapat EDC dalam beberapa sampel yang diuji.

Kajian itu dilakukan dengan bantuan Wonjin Institute for Occupational and Environmental Health (WIOEH) dengan sokongan daripada Financial Industry Public Interest Foundation (FIPIF), kedua-duanya di Korea Selatan.

Keputusan itu didedahkan pada persidangan di Seoul yang disertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk CAP dari Malaysia dan lain-lain dari Indonesia, Vietnam, India, Nepal, Sri Lanka, Bangladesh, Filipina sebagai sebahagian daripada organisasi dalam Rangkaian Penghapusan Pencemaran Antarabangsa (IPEN).

Sejumlah 32 sampel dari Malaysia, terdiri daripada cucian tangan, pencuci badan, ubat gigi, deodoran, cecair kumur, cecair pencuci untuk wanita dan tisu bayi diuji bagi jumlah paraben yang merupakan bahan kimia yang mengganggu endokrin.

Daripada 32 produk itu, tiga tanpa pelabelan ramuan. Daripada 28 sampel yang lain, 15 didapati mempunyai label bahan yang salah.

Antara lapan negara yang mengambil bahagian, Malaysia mempunyai peraturan tertinggi bagi label bahan yang tidak betul iaitu 53.6 peratus daripada sampel yang dihantar.

Keputusan ini mendedahkan bahawa terdapat kekurangan penguatkuasaan

walaupun mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan kosmetik.

Pengguna Malaysia tidak mengetahui tahap dan jenis bahan kimia yang terdapat dalam kosmetik yang dijual di negara ini. Daripada tinjauan pasaran kami mendapati bahawa produk penjagaan diri untuk kanak-kanak adalah popular.

Kehadiran paraben dalam kosmetik dan produk penjagaan diri kanak-kanak yang dijual di Malaysia amat membimbangkan kerana ia telah dikenal pasti sebagai EDC iaitu bahan kimia yang mampu meniru, menyekat dan mengganggu hormon dalam sistem endokrin tubuh.

EDC diketahui mempunyai kesan yang berbeza terhadap jantina yang berbeza. Wanita disebabkan oleh fisiologi, solekan biologi dan penentu sosial mereka lebih terdedah kepada kesannya.

EDC telah dikaitkan dengan banyak implikasi kesihatan yang diketahui, terutamanya pada wanita dan kanak-kanak di seluruh dunia. Pendekatan Strategik kepada Pengurusan Bahan Kimia Antarabangsa (ICM), yang kini dikenali sebagai Rangka Kerja Global mengenai Bahan Kimia (GFC), mengenal pasti EDC sebagai Isu Dasar Baru (EPI).

Terdapat keperluan mendesak untuk mengeluarkan langkah kawal selia yang komprehensif, peningkatan kesedaran awam, dan pelaburan dalam alternatif yang lebih selamat untuk melindungi populasi yang terdedah, terutamanya kanak-kanak, wanita dan komuniti yang kurang bernaib baik.

Selaras dengan keputusan terkini itu yang mendedahkan kehadiran EDC dalam produk kosmetik dan penjagaan diri kanak-kanak serta kesan kesihatan yang berkaitan dengannya, CAP menggesa pihak berkuasa untuk mengawal selia EDC dalam produk dan menguatkuasakan dengan tegas undang-undang berkaitan kosmetik dan produk penjagaan diri untuk kanak-kanak.

MOHIDEEN ABDUL KADER

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)



PENGUNA Malaysia tidak mengetahui tahap dan jenis bahan kimia yang terdapat dalam kosmetik yang dijual di negara ini. - GAMBAR HIASAN



PADA mulanya hanya sekadar gatal biasa tetapi jika dibiarkan tidak dirawat boleh membawa kepada padah. - GAMBAR HIASAN

Usah abai rawatan penyakit ekzema

SAUDARA PENGARANG,

ADA segelintir ibu bapa yang tidak tahu tentang penyakit ekzema dan hanya menganggap penyakit ini hanyalah perkara biasa.

Apabila anak-anak mengadu gatal, mereka hanya mengatakan bahawa itu hanya sekadar gatal-gatal biasa. Walhal, sekiranya dibiarkan berlarutan dan tidak dicegah dengan lebih awal, akan membawa kemudaratan kepada anak-anak tersebut.

Walaupun penyakit ini tidak boleh berjangkit, tetapi sekiranya anak-anak menggaru kawasan kulit mereka yang gatal secara kerap, secara tidak langsung kulit mereka akan berdarah dan lapisan kulit yang pada asalnya melindungi kulit sudah terbuka dan terdedah kepada persekitaran luar.

Ini boleh menyebabkan jangkitan kuman di kawasan kulit tersebut dan merebak ke kawasan kulit yang lain seperti kaki, tangan, muka dan sebagainya. Dalam jangka panjang, sekiranya ekzema tidak dirawat dengan lebih awal dan sudah menjadi lebih teruk, ini boleh membawa kepada komplikasi penyakit kronik yang lain seperti kanser kulit, dermatomyositis (otot lemah), osteoarthritis (radang sendi) dan lelah.

Kajian menunjukkan 20 peratus kanak-kanak yang menghidap ekzema biasa akan menghidap lelah dan 60 peratus kanak-kanak yang menghidap ekzema yang sangat teruk berkemungkinan menghidap lelah.

Ekzema bukanlah sekadar penyakit yang biasa yang boleh diabaikan begitu sahaja. Memang pada mulanya, hanya sekadar gatal biasa tetapi jika dibiarkan tidak dirawat boleh membawa kepada padah.

Kesannya bukan sahaja kepada penghidap, orang sekeliling juga akan terasa kesannya, ibarat cubit paha kiri, paha kanan terasa juga. Tambahan pula, disebabkan ekzema kerap berlaku dalam kalangan bayi dan kanak-kanak, ibu bapa perlu ambil cerna dan peka terhadap kesihatan anak.

Jika terdapat perubahan kepada keadaan kulit anak seperti tanda kerengsaan kulit atau kulit kering, bergesahlah untuk mendapatkan rawatan kerana setiap anak perlu dijaga dengan baik sepanjang masa.

NUR AMERRAH SUHAIMI

Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

MOH: Nation faces rise in hearing loss as population ages

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: There is a need for more awareness and screening of ear health as cases of hearing loss are expected to rise in view of the growing older population in Malaysia, says the Health Ministry.

Citing statistics from Skim PeKa B40, Medical Development Divi-

sion director Datuk Dr Mohd Azman Yacob said the number of hearing aid recipients have been increasing since the programme began in April 2019.

Skim PeKa is a government initiative via the Health Ministry that looks into the healthcare needs of low-income people.

"There have been 13,218 recipients since then, with the largest benefactors being those aged 70

and above (4,449 people).

"This shows that hearing loss cannot be avoided with age and it will continue to worsen with Malaysia becoming an ageing country," he said at the launch of the national-level World Hearing Day celebration at Queen Elizabeth Hospital yesterday.

Azman said that records from the World Health Organization (WHO) showed that one in 20

adults and four in 1,000 newborns are found to have hearing problems.

The WHO has estimated that 2.5 billion people will have hearing issues by the year 2050, which is one out of four people, he said.

As such, he said it was important for government agencies to work closely with the private sector in dealing with hearing issues.

This could include reaching out to a wider audience in health screenings, getting interventional medical assistance and so on, he said.

Azman commended ongoing efforts by hospitals and the private sector in carrying out hearing screenings.

He noted that under Budget 2024, an allocation of RM130mil was provided for this purpose.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : VIEWS

Cherished traditions of medical practice sidelined

IT was shocking to read the news of a patient seeking treatment at a private hospital in Seremban being slapped with a bill that defies imagination.

According to the report in a local news portal, the luckless patient alleged that he was "charged RM11.60 for just sitting around in the emergency room".

And if that was not shocking enough, he was further "charged RM34 for moving a patient monitor," he claimed.

He was quoted as saying: "If I had known that hospitals charge for waiting in their A&E rooms, I

would have waited outside until I was called in. In any case, they are the ones who made me wait. I did not choose to do it."

The whole episode seems to suggest that the entire aspect of patient treatment has descended into crass capitalism – a quantum leap into industrialisation of the medical profession exclusively for monetary gain. In this capitalistic society, making money is its mission statement.

Such callous institutions are, unfortunately, the malefactors of inhumanity in our midst, more

so now when people are struggling with the high cost of living and unemployment.

So the question arises: "Whatever has happened to the Hippocratic Oath, which every doctor solemnly took upon graduation?"

The Oath states among other things that "I shall do by my patients as I would be done by; shall include them to the extent they wish in all important decisions... and shall minimise suffering.

"I shall try to establish a friendly relationship with my

patients and shall accept each one in a non-judgemental manner, and shall not profit financially in any other way as a result of the advice and care I render my patients."

It is sincerely hoped that the authorities would see to it that these domains of our healthcare systems act with compassion in the best interest of the patients in line with the best and cherished traditions of medical practice.

DR A. SOORIAN
Seremban